



## IMPROVING THE QUALITY OF HUMAN CAPITAL FOR ISLAMIC SOCIAL ENTREPRENEURSHIP IN MALAYSIA

### PENINGKATAN KUALITI MODAL INSAN UNTUK KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM DI MALAYSIA

SITI HAJAR BINTI MOHD ZAID

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia.

SITI NUR AAFIFAH BINTI HASHIM

Jabatan Mata Pelajaran Umum, Fakulti Sosial Sains, UCSI Universiti, Cheras.

Email: [aaiffahhashim16@gmail.com](mailto:aaiffahhashim16@gmail.com).

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 12<sup>TH</sup> OCT. 2022: REVISED – 29<sup>TH</sup> NOV. 2022: ACCEPTED – 27<sup>TH</sup> DEC. 2022)

#### ABSTRACT

Various efforts have been implemented by various parties to further improve the quality of life of the people in Malaysia. This aspiration is supported by the strategy in the Social Entrepreneurship Action Plan 2030 (SEMy2030). However, every development program is bound to face its own issues and challenges. Among the challenges for the sustainability of SEMy2030 is the lack of skilled personnel which results in the SEMy2030 strategy not being able to be implemented perfectly. Taking these issues into account, this article will suggest efforts towards improving the quality of human capital from an Islamic perspective so that it can have a holistic impact on the community sustainably in line with the SEMy2030 goals. The development of human capital from an Islamic perspective focuses on human beings as the main goal to be developed based on Islamic resources and human spiritual elements to achieve well-being and goodness. Therefore, four characteristics are suggested in this article to help improve the quality of human capital, namely faith, morals, knowledge, creativity and criticism. Descriptive analysis using the verses of the Quran that coincide with the characteristics found that the characteristics have the potential to further improve the quality of human capital if implemented in stages and continuously.

**Keywords:** Human capital development. Social entrepreneurship. Social harmony.

## ABSTRAK

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat di Malaysia. Aspirasi ini di dokong oleh strategi dalam Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy2030). Walau bagaimanapun, setiap program pembangunan pasti berhadapan isu dan cabaran tersendiri. Antara cabaran bagi kemapanan SEMy2030 ini adalah kekurangan tenaga mahir yang mengakibatkan strategi SEMy2030 tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Mengambil kira isu tersebut, artikel ini akan mencadangkan usaha ke arah peningkatan kualiti modal insan dari sudut perspektif Islam supaya dapat memberi impak yang holistik kepada komuniti secara lestari sejajar dengan matlamat SEMy2030. Pembangunan modal insan dari perspektif Islam memfokuskan manusia sebagai matlamat utama untuk dibangunkan berpandukan kepada sumber-sumber Islam dan elemen spiritual manusia bagi mencapai kesejahteraan dan kebaikan. Justeru, empat ciri dicadangkan dalam artikel ini bagi membantu meningkatkan kualiti modal insan iaitu beriman, berakhlak, berilmu, kreatif dan kritis. Analisis deskriptif menggunakan ayat-ayat al-Quran yang bertepatan dengan ciri-ciri-tersebut mendapati ciri-ciri tersebut berpotensi mempertingkatkan lagi kualiti modal insan jika dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan..

**Kata Kunci:** Pembangunan modal insan; Keusahawanan sosial; Kesejahteraan sosial.

## PENGENALAN

Pelan Keusahawanan Sosial ialah sebuah inisiatif daripada kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk mengarusperdanakan perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mapan. Bertemakan “Mengarus Perdana Perusahaan Sosial, Menormalisasi Impak Sosial’, Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy2030) dibangunkan dengan lima objektif iaitu membina ekosistem pembangunan keusahawanan sosial yang bersepadu dan holistik, mewujudkan sejumlah besar usahawan sosial, memperkukuh pembangunan kapasiti dan daya saing perusahaan sosial tempatan, mengarus perdana perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan negara serta mempertingkat dan menormalisasi perusahaan sosial untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan alam sekitar (Malaysia, 2022).

Dari sudut pandang Islam, kehidupan di dunia adalah untuk merealisasikan konsep kejayaan (falah) dan kehidupan yang baik (hayatan tayyibah) (Chapra, 2000). Usaha kearah mempertingkatkan lagi kehidupan rakyat

ini tidak dinafikan lagi memerlukan modal insan. Tidak menafikan sumbangan teknologi dan sebagainya, modal insan ialah salah satu elemen kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara serta memacunya ke arah yang lebih tinggi. Tenaga kerja yang berkemahiran tinggi amat diperlukan untuk mendokong peralihan banyak sektor antaranya sektor ekonomi kearah aktiviti berintensifkan inovasi, teknologi dan pengetahuan. Untuk mencapai aspirasi negara ini, fokus Pembangunan Modal Insan negara adalah dirangkumkan dalam 4 bidang utama iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh, mentransformasikan TVET untuk memenuhi permintaan industri, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kemahiran dan menambah baik kualiti Pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi (UPE, 2022).

Pembangunan modal insan ialah satu aspek yang perlu diberi perhatian meluas. Pembinaan modal insan yang berkualiti merupakan satu faktor penting dalam keberhasilan pembangunan ekonomi, sosial bagi sesebuah negara. Oleh itu, beberapa aspek dalam rangka pembinaan modal insan perlu diperhatikan. Tidak dinafikan, pembangunan modal insan telah dibincangkan secara kritis oleh banyak pihak berikutan kesedaran bahawasanya pembangunan modal insan yang bersistem dapat membantu dalam proses pembinaan kehidupan yang baik dari semua aspek seperti jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pembinaan modal insan berdasarkan teori barat adalah berbeza berbanding pembinaan modal insan seperti mana yang digariskan dalam Islam. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan dasar dan garis-garis yang ditekankan oleh Islam dalam pembangunan modal insan dengan memfokuskan kepada analisa ayat al-Quran dan Hadis.

### **KEUSAHAWANAN SOSIAL**

Keusahawanan sosial merupakan gabungan antara semangat misi sosial dengan imej perniagaan seperti disiplin, inovasi dan penentuan (Dees, 2001). Dalam erti kata lain, keusahawanan sosial adalah usaha untuk membongkar masalah sosial serta memperkenalkan kaedah menanganinya dengan cara yang mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua pihak. Fasa keusahawanan sosial merupakan satu pendekatan yang amat bersesuaian dengan keperluan perniagaan dunia masa kini yang berdasarkan aspek 3Ps iaitu People, Planet & Profit (keharmonian antara insan, alam sekitar dan keuntungan).

Keusahawanan sosial juga menuntut penggabungan antara misi sosial yang mempamerkan perniagaan yang berdisiplin, inovasi dan penemuan keputusan yang baru dalam perniagaan. Pendekatan keusahawanan sosial amat bertepatan dengan keperluan masa kini dalam menangani masalah sosial. Hal ini ekoran daripada beberapa institusi sektor sosial masa kini yang cenderung kepada

pengurusan yang tidak cekap, tidak berkesan dan tidak bertanggungjawab. Natiujahnya, tindakan berasaskan keusahawanan sosial dijangka lebih mampu menghasilkan kecekapan dan keberkesanan dalam usaha mencapai matlamat sosial, meningkatkan daya saing serta kemapanan entiti sosial atau golongan sasar yang dibantu.

Sebagai salah satu usaha yang dilihat paling berkesan dan tepat untuk mencapai objektif tersebut, ialah keperluan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan modal insan. Hal ini kerana, pembangunan modal insan bukan sahaja mampu melahirkan insan yang memiliki ilmu pengetahuan dan nilai moral yang tinggi, memiliki kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh dimanfaatkan dalam bidang pekerjaan dan kehidupan seharian (Abdul Rahman Ahmad, 2006), malah, pembangunan modal insan juga mampu memenuhi aspek keperluan perniagaan dunia masa kini yang berdasarkan aspek 3Ps..

### **PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT ISLAM**

Pembangunan modal insan dapat difahami sebagai satu pembangunan yang menumpukan kepada insan itu sendiri. Matlamat utamanya ialah untuk meningkat dan memajukan individu bagi mendapatkan pulangan pada masa akan datang. Secara asas, ia berkaitan kecekapan dan komitmen seseorang dalam organisasi yang dilihat dari aspek kemahiran, pengalaman, potensi dan kapasiti. Modal insan mengumpul individu yang mempunyai kemampuan bagi memastikan sesebuah perniagaan atau pentadbiran itu berjaya (Siti Nur Aafifah Hashim, 2020).

Kamus Dewan Edisi Keempat (Kamus Dewan Edisi Keempat) (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017) pula menakrifkan pembangunan sebagai perihal membangun untuk mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya. Ia juga boleh didefinisikan sebagai usaha atau perihal kegiatan membangunkan untuk memajukan dan mengembangkan sesuatu misalnya kawasan luar bandar ataupun sesebuah sistem. Selain itu, pembangunan juga boleh ditakrifkan sebagai kaedah pengembangan, pembinaan, pembaharuan dan perbaikan ke arah kemajuan.

Istilah modal Insan telah dipopularkan semula oleh mantan YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi walaupun perkataan ini sebenarnya telah lama wujud. Beliau menekankan modal insan sebagai ejen penggerak kepada pembangunan, kemajuan dan ekonomi negeri. Faktor kemanusiaan tidak dinafikan merupakan elemen penting dalam pembangunan kerana insan ialah faktor utama dalam semua perancangan, pelan dan strategi tindakan untuk melancarkan rancangan, pelaksanaan dan gerak kerja untuk pembangunan negara (Abdullah, 2014).

Menurut al-Attas (Jasmi, Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam, 2016) pembangunan insan didefinisikan sebagai;

*“Di sisi pandangan Islam, pembangunan, kemajuan, kesempurnaan dalam kehidupan dan nasib manusia hendaklah berkait kepada sifat rohani insan untuk menjadi dirinya yang hakiki jua. Jika tiada yang demikian dalam maksud pembangunan, kemajuan dan evolusi ke arah kesempurnaan juga jika kesempurnaan yang dimaksudkan itu tiada unsur rohani maka di sisi Islam ia bukanlah pembangunan yang sebenarnya. Kemajuan itu juga bukan benar-benar kemajuan, perubahan ke arah kesempurnaan juga bukanlah kesempurnaan. Fahaman-fahaman ini hanya merujuk kepada sifat jasmani diri bayawani insan semuanya dan tidak mengandungi erti yang dapat memberikan makna yang sah selain apabila kesemua fahaman ini mengaitkan maksud tujuannya kepada aspek rohani juga. Menurut pandangan Islam, perubahan, kemajuan dan pembangunan merujuk kepada pengembalian kepada keadaan Islam yang sejati yang diusul dan dicarakan oleh Nabi Muhammad SAW dan yang diikuti oleh sahabat-sahabat baginda juga para tabiin RA dan yang dianut oleh orang Islam selepas mereka dari dulu sehingga kini dan ke akhir zaman.”*

Jelas daripada pernyataan tersebut bahawasanya Islam meletakkan syarat pembangunan rohani sebagai aspek kritikal untuk mencapai perubahan, pembangunan dan kesempurnaan. Islam telah meletakkan dasar pembangunan insan hendaklah tersimpul padanya semua aspek kehidupan insan terutamanya terkait dengan aspek kerohanian.

Islam juga telah meletakkan satu penyelesaian kepada umat Islam tentang cara untuk membentuk diri mereka sendiri dengan keperibadian yang khusus dan tidak menyerupai acuan yang ditulis oleh orang lain (bukan Islam) (Mohammad Ghazali, 2015). Secara asasnya, perbezaan ini terbentuk kerana asas yang digunapakai adalah berbeza kerana asas pembinaan modal insan dan keperibadian seorang Muslim terbina atas asas akidah. Pembinaan mentaliti dan sifat adalah bersandarkan kepada ajaran Islam bersumberkan al-Qur'an dan Hadis.

### **MANUSIA SEBAGAI KHALIFAH ALLAH DI ATAS MUKA BUMI**

Melihat daripada perspektif Islam, terdapat dua tujuan utama bagi penciptaan dan kehadiran manusia di atas muka bumi iaitu untuk mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT dan juga menjalankan tugas sebagai seorang khalifah di muka bumi dengan memakmurkan dan mentadbir alam dengan sebaiknya. Hal ini terungkap jelas dalam ayat-ayat firman Allah SWT seperti berikut:

*“Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk melakukan ibadah kepada-Ku” (al-Dzariyat [51]: 56)*

Ibadah merupakan bukti pengabdian seorang hamba kepada Tuhannya. Seorang Muslim diwajibkan melakukan ibadah-ibadah wajib seperti solat, puasa, menunaikan haji ke Mekah bagi yang mampu serta mengeluarkan zakat. Namun begitu, perlu difahami bahawasanya ibadah seorang Muslim tidak hanya khusus kepada ibadah wajib sahaja tetapi juga tidak boleh menyetepikan urusan dunia. Menurut (Stapa, 2009), penyempitan konsep ibadah tertakluk kepada ibadah khusus sahaja adalah sangat bertentangan dengan intisari maksud daripada ayat tujuan penciptaan manusia kerana ayat tersebut juga menunjukkan bahawasanya Allah SWT beriradah supaya manusia turut melaksanakan tugas memakmurkan tempat yang mereka diami ini. Oleh itu, tugas pemakmuran bumi ialah sebuah ibadah kepada Allah SWT dan termasuk dalam suruhan Allah kepada khalifahnyanya. Tugas-tugas memakmurkan bumi ini mesti dilakukan dalam konteks kefahaman bahawasanya ia adalah sebuah ibadah dan manifestasi tauhid kepada Allah SWT (Stapa, 2009).

Manusia diciptakan sebagai khalifah di atas muka bumi. Khalifah ialah sebuah kepimpinan dan kebertanggungjawaban. Manusia dicipta untuk menjadi khalifah Allah di atas muka bumi dan diamanahkan untuk mentadbir bumi dengan baik. Kekuasaan dan kepimpinan ini ialah sebuah kontrak sosial antara pemimpin tersebut dengan masyarakat di samping sebuah bentuk penzahiran pengabdian kepada Allah (Sulaiman, 2019) Sumber-sumber di atas muka bumi diamanahkan kepada manusia untuk diperlakukan dengan baik yang mana manusia tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan kerosakan di atas muka bumi. Dia wajib menggunakan sumber-sumber tersebut dengan cara yang efisien dan adil sehingga kemakmuran bagi keseluruhan manusia dapat digapai dan dimanfaatkan dengan suatu perasaan bertanggungjawab dan mengikut batasan Tuhan (Chapra, 2000).

Pemahaman tentang Islam sebagai ad-din perlu diterapkan dalam kalangan modal insan supaya mereka tidak akan canggung bahawasanya Islam ialah jalan lurus yang perlu diaplikasikan dalam setiap aspek kehidupan. Penghayatan gaya hidup berteraskan agama Islam boleh memandu modal insan ke arah memmanifestasikan gerak kerja sebagai sebuah ibadah. Islam tidak lain dan tidak bukan adalah hidup menurut kehendak Allah untuk mendapatkan keamanan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Islam membayangkan agama bukan hanya sebahagian daripada kehidupan tetapi sebagai keseluruhannya. Sebenarnya, al-Islam atau ad-din sebagai Islam melihat dirinya adalah kehidupan itu sendiri dan ia menggabungkan apa yang kita lakukan, apa yang kita lakukan, apa yang kita fikir dan apa yang kita rasa serta menjawab persoalan dari mana kita

datang dan kemana kita akan pergi. Itulah sebabnya agama Islam sentiasa menggunakan istilah ad-din sebagai merangkumi semua aspek kehidupan manusia dengan erti kata lain tidak meninggalkan apa-apa di luar kekuasaannya (Nasr, 1994).

### **Muslim Mukmin**

Allah telah banyak menyebut tentang sifat manusia di dalam al-Quran dan antara istilah yang digunakan ialah *mukmin*, *kafir*, *munafiq*, *faasiq* dan *muslib*. Kesemua istilah yang digunakan ini menggambarkan watak manusia itu sendiri yang bersandarkan keperibadian manusia itu sendiri (M.Yusuf, 2012) Istilah *muslim*, *mukmin* dan *muslib* dikaitkan dengan karakter-karakter baik manakala istilah *kafir*, *musyrik* dan *munafiq* sinonim dengan karakter yang tidak baik. Antara ciri karakter mukmin yang baik dijelaskan oleh Allah melalui firman-Nya yang bermaksud:

*“Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman (1) Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya (2) Dan mereka yang menjaubkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia (3) Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat (4) Dan mereka yang menjaga kehormatannya (5) (Surah al-Mukminun: 1-5)*

Selain itu, Allah juga menyebutkan bahawa orang mukmin ini akan mendapat pahala dan ganjaran yang besar. Firman-Nya:

*“Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi (10) Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalam-Nya (11).” (Surah al-Mukminun:10-11)*

Menerusi ayat tersebut dapat difahami, pembinaan modal insan yang berkualiti perlu menekankan penerapan sifat sebagai muslim yang mukmin. Seseorang muslim yang mukmin akan bersifat dengan sikap baik dan terpuji seperti jujur, amanah, menepati masa, bekerja keras, mempunyai niat yang baik, sabar, suka berbuat kebaikan dan sebagainya.

### **MUSLIM PROFESSIONAL**

Dalam era globalisasi ini, profesionalisme adalah sebuah sikap yang sangat ditekankan dalam setiap aspek kehidupan dan ia adalah satu elemen yang tidak boleh diasingkan lagi dalam menjalankan kerja. Menurut (Mohammad Ghozali, 2015) profesionalisme ialah kemampuan, sikap dan nilai yang ditunjukkan dalam menghadapi perubahan yang berlaku demi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Modal insan mempunyai peranan yang sangat kritikal demi mencapai



tujuan, matlamat, misi dan visi bagi sesebuah organisasi. Oleh itu, modal insan tersebut perlu merangka dan mempersiapkan dirinya agar dapat mendepani cabaran zaman yang bukan calang-calang. Pembinaan modal insan yang profesional boleh dipupuk dan dilatih. Di samping mengekalkan identiti mereka sebagai seorang Muslim, mereka perlulah menerapkan amalan profesionalisme dalam diri mereka. Islam juga menganjurkan beberapa panduan untuk membentuk keperibadian profesional juga pembinaan modal insan untuk memastikan diri mereka ampuh dalam menempuh keperluan zaman. Antaranya berdasarkan ayat al-Quran berikut tentang kisah Nabi Musa:

*“Dan salah seorang dari kedua (perempuan) itu berkata, “Wahai ayahku! Jadikanlah dia sebagai pekerja (pada kita), sesungguhnya orang yang paling baik yang engkau ambil sebagai pekerja (pada kita) ialah orang yang kuat dan dapat dipercayai.”*

Ayat di atas memberi tahu secara tepat bahawasanya ciri pekerja yang boleh diambil untuk bekerja adalah mereka yang mempunyai sifat al-qawiyy (orang yang kuat) dan al-amin (orang yang beramanah). Pemilihan pekerja adalah berdasarkan sikap mereka sama ada berkemampuan untuk melakukan kerja. Pekerja yang mempunyai sifat-sifat baik dan berkebolehan akan menjadi idaman dan lebih diutamakan oleh setiap majikan. Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

*“Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah.”*

Bekerja untuk membangunkan merupakan satu aktiviti fizikal yang memerlukan seseorang mempunyai kebolehan fizikal yang sihat dan kuat. Kekuatan daya tubuh yang baik dan sihat memungkinkan seseorang untuk menyelesaikan pekerjaannya dengan baik (Mohammad Ghozali, 2015). Oleh demikian, terdapat sekurang-kurangnya empat elemen pembangunan insan yang boleh diaplikasikan bagi mencapai objektif tersebut.

### **Elemen Pertama: Beriman**

Menurut perspektif Islam, iman sangat ditekankan dan berada dalam hierarki yang paling utama. Batu asas kepada Tauhid ini ialah keimanan kepada Allah SWT. Iman adalah asas yang meletakkan hubungan yang benar bagi manusia samada hubungannya dengan pencipta (hablunminallah) mahupun hubungannya dengan sesama manusia (hablunminannas). Penghayatan konsep beriman yang benar menjadi asas untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.



Portal berita melaporkan bahawasanya jenayah rasuah di Malaysia berada di taraf yang merbahaya dan melebihi negara-negara lain. Transparency International Malaysia mendedahkan bahawasanya Malaysia mencatatkan skor 48 berbanding 51 pada tahun sebelumnya dalam penskoran yang dibuat dari sejumlah 180 negara. Malaysia juga telah jatuh ke kedudukan ke-62 berbanding tangga ke-57 pada tahun 2020 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021 (Kamarulbaid, 2022) Laporan ini membuktikan integriti dan prestasi pekerja di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan.

Keimanan kepada Allah dapat menghalang manusia daripada berbuat perkara mudharat yang boleh memberi kerosakan kepada diri, keluarga, bangsa dan negara. Pekerja yang beramanah akan menghayati firman-Nya tentang kepentingan menunaikan amanah sebagaimana firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya...” (Surah al-Nisa’, 4:58)

Iman yang benar akan menjadi suatu sistem penapis yang benar kepada manusia kerana manusia sedar bahawa segala sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT memiliki tujuan yang mana akan memberikan erti dan signifikansi bagi kewujudan alam sejagat (Chapra, 2000).

### **Elemen Kedua: Berilmu**

Terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang memerihalkan tentang ilmu dan kepentingannya kepada umat manusia. Ayat pertama diturunkan sebagai wahyu kepada Nabi Muhammad SAW juga ialah ayat berkenaan menuntut ilmu yang menggambarkan Islam sangat menekankan ilmu. Ilmu dari perkataan bermaksud.

Setiap modal insan perlu dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang ampuh untuk menjadi bekal mencapai kejayaan dalam kehidupan. Secara formalnya, pendidikan diperoleh melalui sistem pendidikan yang teratur melalui sekolah dan institusi pendidikan. Secara asas, pendidikan bertujuan untuk mempersiapkan anak bangsa untuk menjalani kehidupan yang baik. Pendidikan di Malaysia sebagai contoh, kerajaan merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sebagai inisiatif untuk mempersiapkan generasi muda terhadap cabaran abad ke-21. Pelan ini melakarkan misi dan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid. Pelan ini mencadangkan 11 anjakan strategik dan rancangan yang akan dilaksanakan kerajaan (Kementerian Pendidikan, n.d.).

Pendidikan di Malaysia berhasrat melahirkan generasi yang seimbang dan holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah Pendidikan Malaysia yang digubal pada tahun 1988 menyebutkan:

*“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”*

Sistem pendidikan di Malaysia adalah satu usaha bersepadu untuk melahirkan insan yang memenuhi semua keperluan dan mempersiapkan mereka menghadapi kehidupan di samping dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan kepada keluarga, masyarakat, negara dan agama.

Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

*“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia”* (HR. Ahmad, ath-Thabrani, ad-Daruqutni)

Menurut Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dalam (Harian, 2022) berkata, kerajaan melalui Majlis Pekerjaan Negara berhasrat untuk mewujudkan 500,00 peluang pekerjaan dan penempatan Latihan kemahiran. Kerajaan juga memperuntukkan dana sebanyak RM2 bilion sebagai usaha membantu lebih ramai belia mendapat pekerjaan. Pelaburan dan inisiatif dari pihak kerajaan ini sangat diperlukan kerana belia ialah aset masa depan negara.

Pelbagai kemahiran yang ada pada diri perlu dikembangkan dengan lebih baik di samping memperbaiki diri dengan mempelajari pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk mendepani dunia yang semakin mencabar. Hal ini bukan sahaja dapat memberi manfaat untuk diri sendiri bahkan bertepatan dengan hadis yang menerangkan bahawasanya muslim yang paling baik ialah muslim yang dapat memberi banyak manfaat kepada orang lain.

### **Elemen Ketiga: Kreatif Dan Kritis**

Selain ciri di atas, pembangunan modal insan perlu menekankan aspek berfikir secara kreatif dan kritis. Kritis dan kreatif ialah elemen yang digunakan secara meluas dalam kehidupan semenjak zaman Nabi Adam AS sehingga ke hari ini. Manusia mencipta kreativiti dalam pelbagai bidang seperti makanan, minuman, seni lukis, tarian, muzik, fesyen, ilmu dan sebagainya. Daya kreatif dan kritis menjana akal manusia untuk meneruskan kehidupan mereka.

Menurut (Cropley, 2011) kreativiti tidak hanya terhad kepada seni halus, kesusasteraan, seni persembahan, muzik dan domain artistik tetapi kreativiti juga berlaku dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, pembuatan, teknologi, perubatan, pentadbiran, Pendidikan malah pertahanan. Produk kreativiti termasuk objek ketara seperti karya seni, buku, muzik, bangunan, mesin atau peranti malah ia juga merangkumi idea, proses, perkhidmatan, system operasi, pengeluaran dan penyampaian. Kreativiti adalah sangat berkesan dalam mencapai hasil yang diinginkan.

Menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat) kritis ialah tidak mudah menerima atau mempersetujui sesuatu yang bermaksud menimbangkan baik dan buruknya terlebih dahulu. Pemikiran pula bermaksud perihal berfikir iaitu cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi dan bukan dengan menggunakan logik atau cara pemikiran yang biasa sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Pemikiran kritis iaitu gabungan dari dua perkataan didefinisikan oleh sebagai suatu bentuk atau cara berfikir yang tidak sewenangnyanya menerima atau mempersetujui sesuatu perkara melainkan dengan melalui pertimbangan samada betul atau salah dan baik buruk terlebih dahulu.

Pembangunan modal insan yang berkesan perlu menekankan aspek berfikir secara kreatif dan kritis. Laman web (Marr, 2022) menyenaraikan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis sebagai antara skil yang paling dicari oleh majikan pada tahun 2022.

*“Kemahiran utama ialah pemikiran kreatif. Terlalu ramai orang mengaitkan kreativiti dengan seni sahaja sedangkan sebenarnya ia adalah sebuah keupayaan untuk melakukan sesuatu dengan imaginasi anda. Ini bermakna ia tidak hanya dihadkan oleh kejayaan masa lalu, bersikap terbuka kepada idea baharu daripada pakar dan ahli pasukan hadapan, selesa berbincang dengan pasukan, sentiasa belajar dan kemudian mempunyai organisasi untuk membangunkan rancangan dan menyampaikannya dengan jelas.”*

Selain itu, pemikiran kritis pula dijelaskan sebagai berikut (Marr, 2022):

*“Dalam era berita palsu, buih media sosial dan maklumat yang berlebihan ini, pemikiran kritis berada di bahagian atas senarai kemahiran yang paling penting untuk dipupuk untuk Berjaya. Berfikir secara kritis bermaksud menganalisis isu dan situasi berdasarkan bukti dan bukannya khabar angin, pendapat peribadi atau berat sebelah. Apabila anda mengamalkan pemikiran kritis, anda boleh mempersoalkan kesahihan bukti dan mengetahui perkara yang benar dan apa yang tidak dalam pelbagai situasi.”*

### **Elemen Keempat: Berakhlak**

Akhlak adalah sesuatu yang sangat sinonim dengan orang Islam. Nabi Muhammad SAW juga diutuskan oleh Allah SWT untuk menyempurnakan akhlak sekalian manusia. Sabda baginda SAW:

*“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak”* (Riwayat Ahmad, No Hadis: 8952).

Akhlak juga disebut sebagai etika. Ia berasal dari perkataan Yunani *ethos* yang membawa maksud adat resam, kebiasaan dan rutin, (Kamus Dewan Edisi Keempat) mendefinisikan etika sebagai ilmu berkaitan prinsip-prinsip akhlak, moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan.

Melalui dapatan kajian (Mohd Zain Mubarak, 2015) menyatakan bahawa antara ciri usahawan muslim berjaya adalah dengan mengamalkan akhlak yang baik iaitu menyempurnakan amanah khususnya dalam bidang keusahawanan, keikhlasan dan kejujuran serta menjauhi segala bentuk larangan yang ditetapkan oleh agama. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

*“Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, orang yang jujur dan orang yang syahid.”* (Riwayat al-Tarmizi)

Pembangunan modal insan perlu menekankan pembinaan akhlak yang baik. Dari sisi agama, penjagaan akhlak ini akan membolehkan pengamalannya mendapat ganjaran kerana akhlaknya. Akhlak yang baik seperti mencintai sesama Muslim, mengasihi golongan miskin, Orang Kelainan Upaya (OKU) ialah amalan yang bukan sahaja berpahala tetapi juga menyebabkan perhubungan antara seseorang Muslim dengan Muslim yang lain akan menjadi lebih baik dan kukuh (Jasmi, 2021). Muslim yang berakhlak mulia bukan sahaja akan dipandang tinggi bahkan dapat membawa imej yang baik kepada agama Islam.

### **KESIMPULAN**

Pembangunan modal insan yang bukan hanya memfokuskan kepada kepentingan dan keuntungan negara semata, tetapi turut melestarikan jati diri individu dilihat selaras dengan hasrat kerajaan bagi melahirkan modal insan holistik bagi memenuhi keperluan keusahawanan sosial. Pembangunan modal insan yang holistik seharusnya merangkumi segala aspek seorang insan iaitu intelek, rohani, emosi dan fizikal. Sebagai usaha untuk mencapai objektif pelan keusahawanan sosial pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai dan

prinsip-prinsip modal insan perlu diterapkan dalam jiwa setiap penggerak kepada pembangunan keusahawanan sosial. Usahawan sosial memiliki keutuhan keimanan kepada agama, bersifat universal, sentiasa peka dengan perubahan semasa, kreatif, inovatif, tidak mudah putus asa, berani menghadapi risiko serta memberi kepentingan terhadap kemajuan masyarakat khususnya masyarakat terpinggir. Oleh yang demikian, pihak tertentu perlu berusaha secara optimum bagi melahirkan lebih ramai modal insan bercirikan keusahawanan sosial di mana mereka mampu untuk menjana pekerjaan bukan untuk diri sendiri sahaja malah untuk masyarakat lain juga.

## RUJUKAN

- Abdullah, A. A. (2014). Pembangunan Dan Kemajuan Modal Insan Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9): Satu Penelitian. In *Islam Yang Dinamik* (pp. 160-181). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Chapra, D. M. (2000). *Islam dan Tantangan Ekonomi*. Jakarta : Gema Insani Press.
- Cropley, A. (2011). Definition of Creativity. In A. Cropley, *Encyclopedia of Creativity* (pp. 511-524). Academic Press.
- Harian, B. (2022, Ogos 5). *Berita Harian*. Retrieved from bharian.com.my: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/847652/majlis-pekerjaan-negara-wujud-320000-peluang-kerja>
- Jasmi, K. A. (2016). Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. In *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (pp. 102-107). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam.
- Jasmi, K. A. (2021). Mudah-mudahan Menjadi Mukmin Abad Ini. *Program Bicara Penulis*. UTM Press.
- Kamarulbaid, A. M. (2022, April 18). *Utusan Malaysia*. Retrieved from Utusan Malaysia Web Site: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/04/rasuah-di-malaysia-sudah-tidak-terkawal/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan*. (n.d.). Retrieved from Kementerian Pendidikan: <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>
- M.Yusuf, K. (2012). Tipologi Keperibadian Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Hadhari*, 1-28.
- Malaysia, P. M. (2022, April 23). *Prime Minister's Office of Malaysia*. Retrieved from Prime Minister's Office of Malaysia Official Website: <https://www.pmo.gov.my/2022/04/majlis-pelancaran-rangka-tindakan-keusahawanan-sosial-malaysia-2030-semy2030/>

- Marr, B. (2022, August 22). *Forbes*. Retrieved from Forbes.com: <https://www.forbes.com/sites/bernardmarr/2022/08/22/the-top-10-most-in-demand-skills-for-the-next-10-years/?sh=5ed60ed217be>
- Mohammad Ghozali, N. ' (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme Dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis. *Shariah Journal*, 255-286.
- Mohd Zain Mubarak, A. H. (2015). Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan. *Journal of Bussiness and Social Development*, 43-54.
- Nasr, S. H. (1994). *A Young Muslim's Guide To The Modern World*. Chicago: KAZI Publications.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. (2017). Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu V2.0.
- Stapa, Z. (2009). Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam. *Jurnal Hadhari*, 31-44.
- Sulaiman, I. F. (2019). Transisi Kepimpinan dalam Islam: Analisis Terhadap Cara Pemilihan Khulafa' al-Rasyidin. *Jurnal Hadhari*, 245-265.
- UPE. (2022). *Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri*. Retrieved from Pembangunan Modal Insan: <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/dasar/dasar-dasar-utama/pembangunan-modal-insan>